

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

"TARBIYAH RABBANI DALAM FALSAFAH KORBAN"

Tarikh Dibaca:

6 ZULHIJJAH 1442H/ 16 JULAI 2021M

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia





"TARBIYAH RABBANI DALAM FALSAFAH KORBAN" <u>6 ZULHIJJAH 1442H /16 JULAI 2021</u>

أَخْمَدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِٱللَّهِ مِنَ ٱلشَّيْطُنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿ ﴿ لَكُ لَيْسَ عَلَيْكَ هُدَنهُمْ وَلَكِنَّ ٱللَّهَ يَهْدِى مَن يَشَآءُ اللَّهَ مِن اللَّهَ عَلَيْكَ هُدَنهُمْ وَلَكِنَّ ٱللَّهَ يَهْدِى مَن يَشَآءُ وَمَا تُنفِقُواْ وَمَا تُنفِقُواْ وَمَا تُنفِقُواْ وَمَا تُنفِقُواْ وَمَا تُنفِقُواْ

مِنْ خَيْرٍ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ﴿ اللَّهُ اللَّا اللَّا اللَّهُ اللّلْحَالِمُ اللَّالِمُ اللَّهُ اللَّا اللَّهُ اللَّهُ اللَّهُ اللّل

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُم بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ. وَسَلِّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُم بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ اتَّقُوا اللهَ أُوصِيكُم وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللهِ فَقَد فَازَ المُتَقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKALIAN,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam rahmat dan keredhaan Allah SWT di dunia dan di akhirat. Khatib pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: "TARBIYAH RABBANI DALAM FALSAFAH KORBAN".



Khatib juga ingin berpesan kepada sidang jemaah sekalian agar sentiasa mematuhi garis panduan dan SOP pencegahan penularan wabak Covid-19 yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Teruskanlah memohon keampunan dan bermunajat kepada Allah SWT agar diangkat segera wabak ini. Bagi yang telah mendaftar dan mendapat janji temu suntikan vaksin Covid-19, pastikan anda hadir ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Manakala bagi yang belum mendaftar pula, segeralah berbuat demikian kerana ini antara ikhtiar kita untuk menyekat penularan wabak berbahaya ini di samping mencapai tahap imuniti berkelompok.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Berkorban harta, jiwa dan raga pada jalan Allah SWT merupakan satu bentuk pembuktian iman kita kepada-Nya. Setiap pengorbanan yang dilakukan atas dasar iman kepada Allah SWT, maka kebaikan dan ganjaran akan kembali kepada diri sendiri. Allah SWT telah menjelaskan hakikat ini dalam firman-Nya dari Surah al-Baqarah ayat 272 yang dibacakan pada awal khutbah tadi yang bermaksud:

"Tidaklah engkau diwajibkan (wahai Muhammad) menjadikan mereka (yang kafir) mendapat petunjuk (kerana kewajipanmu hanya menyampaikan petunjuk), akan tetapi Allah jualah yang memberi petunjuk (dengan memberi taufik) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya). Dan apa jua harta yang halal yang kamu belanjakan (pada jalan Allah) maka (faedah dan pahalanya) adalah untuk diri kamu sendiri dan kamu pula tidaklah mendermakan sesuatu melainkan kerana menuntut keredhaan Allah dan apa jua yang kamu dermakan dari harta yang halal akan disempurnakan (balasan pahalanya) kepada kamu dan (balasan baik) kamu (itu pula) tidak dikurangkan."

Bagi umat Islam, kisah pengorbanan yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim AS ketika peristiwa korban anaknya Nabi Ismail AS, merupakan suatu manifestasi ketundukan dan lambang ketauhidan yang cukup tinggi dalam menjunjung titah perintah Allah SWT Rabbuljalil. Peristiwa tersebut telah menjadi *ibrah* pensyariatan dan hubung kait antara ibadah haji dan ibadah korban yang disambut setiap tahun. Kesanggupan Nabi Ibrahim AS sebagai seorang ayah yang sangat menyayangi anaknya dalam menyembelih zuriatnya dengan



tangannya sendiri dan kerelaan seorang anak dalam membiarkan dirinya disembelih semata-mata kerana menjunjung perintah Allah SWT pastinya memberi gambaran yang jelas kepada kita bahawa ketaatan dalam melaksanakan perintah Allah SWT merupakan suatu keutamaan tertinggi sekalipun ia melibatkan pengorbanan harta dan jiwa.

Umat Islam pada masa ini, perlu memahami bahawa setiap peristiwa dan kisah-kisah yang dipaparkan dalam al-Quran merupakan sesuatu yang mesti diambil pengajaran dan iktibar daripadanya. Firman Allah SWT dalam Surah Yusuf ayat 111:

Maksudnya: "Sesungguhnya kisah para nabi itu mengandungi pengajaran bagi orang yang mempunyai akal fikiran. (al-Quran) itu bukanlah cerita-cerita yang direka, tetapi menjelaskan apa yang tersebut dalam kitab-kitab sebelumnya dan sebagai keterangan yang menjelaskan segala sesuatu, serta menjadi hidayah dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman".


Semoga kesan penghayatan kisah Nabi Ibrahim AS dan Nabi Ismail AS itu akan dapat memotivasikan dan mendorong diri kita agar terus berusaha untuk menjadi umat yang terbaik serta tunduk dan patuh kepada Allah SWT. Satu persoalan yang perlu dilontarkan kepada diri, adakah hari ini kita telah menjadi seorang hamba yang benar-benar memiliki ciri-ciri pengorbanan yang sama seperti pengorbanan Nabi Ibrahim AS dan Nabi Ismail AS?

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Lembaran kisah kehidupan Rasulullah SAW, jika dikaji dan difahami, jelas memaparkan kepada kita bahawa perjalanan hidup Rasulullah SAW itu sebenarnya penuh dengan pengorbanan diri, emosi, harta dan jiwa yang berlaku secara langsung pada Baginda SAW. Oleh itu, Allah SWT telah memerintahkan kepada kita agar menjadikan kehidupan



Rasulullah SAW sebagai contoh teladan yang unggul. Firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 21:





Maksudnya: "Sesungguhnya bagi kamu pada diri Rasulullah SAW (merupakan) contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula banyak menyebut dan mengingati Allah SWT".

Firman Allah SWT tadi memberi gambaran tentang Rasulullah SAW sentiasa berhadapan dengan ujian dan tekanan dalam kehidupan. Namun dengan keimanan yang kental kepada Allah SWT serta semangat jihad dan pengorbanan yang tinggi maka ia telah menjadi penjana kestabilan minda dan emosi. Seterusnya setiap kesukaran dan kesusahan yang menimpa dapat dihadapi dengan wajar dan penuh rasional.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Ramai dalam kalangan kita pada hari ini sedang berhadapan dengan dugaan hebat dalam mendepani pandemik Covid-19. Sebagai seorang hamba Allah SWT yang mengaku beriman kepada-Nya, sewajarnya kita meyakini bahawa ujian ini datangnya daripada Ketentuan dan Kehendak Allah SWT yang bertujuan untuk menduga dan meninggikan kedudukan iman kita di sisi-Nya. Berbahagialah bagi mereka yang berjaya menghadapi ujian ini dengan kesabaran daripada melakukan sebarang tindakan yang tidak wajar sebagai seorang hamba Allah SWT. Dugaan kehidupan yang menimpa kita ini menunjukkan tanda bahawa Allah SWT itu kasih dan sedang memberi perhatian-Nya kepada kita. Pemikiran dan pemahaman seumpama ini harus sentiasa terterap dalam sanubari setiap orang khususnya bagi mereka yang sedang berhadapan dengan masalah dalam hidupnya. Hal ini selaras dengan sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Mahmud bin Labid al-Ansari RA:



Maksudnya: "Sesungguhnya Allah 'Azzawajalla, apabila mengasihi sesuatu kaum (Dia) akan menguji mereka, sesiapa yang sabar (dalam menghadapi ujian itu) maka untuknyalah kebaikan (ganjaran) kesabaran itu dan sesiapa yang berkeluh kesah (dalam menghadapi ujian itu) maka untuknyalah keburukan keluh kesah itu." (Hadis riwayat Ibn Hibban)

Pandemik Covid-19 telah mengubah corak dan norma kehidupan kita pada hari ini. Ia telah mengubah kebiasaan kehidupan manusia kepada amalan gaya hidup baharu yang begitu mencabar. Umat Islam perlu berada pada tahap kesabaran yang optimum dan perlu banyak melakukan pengorbanan untuk melakukan perubahan kepada norma kehidupan yang baharu. Bersempena dengan pelaksanaan ibadah korban yang disyariatkan pada bulan Zulhijah ini, marilah kita mengambil iktibar daripada falsafah ibadah tersebut dalam melakukan pengorbanan untuk mengubah kehidupan kita kepada norma baharu demi membantu usaha kerajaan mengekang penularan pandemik Covid-19. Kesabaran perlu ada dalam diri kita semua untuk berkorban bagi melaksanakan perubahan tersebut kerana untuk mengubah sesuatu kebiasaan juga merupakan suatu ujian. Insya-Allah, dengan kesabaran dalam menempuh ujian, kita akan merasai nikmat kebahagiaan.

Khatib ingin memetik bahawa al-Imam Ibn al-Qayyim ada menyebut dalam kitabnya Zadd al-Ma'ad: "Kebahagiaan itu dicapai dengan tiga keadaan: bersabar ketika mendapat ujian, bersyukur ketika mendapat kenikmatan dan bertaubat ketika melakukan kesalahan".

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Mengakhiri khutbah pada hari ini khatib ingin merumuskan EMPAT perkara dari khutbah yang telah disampaikan:

Pertama: Setiap pengorbanan yang dilakukan atas dasar iman kepada Allah SWT maka kebaikan dan ganjaran akan kembali kepada diri sendiri;



Kedua: Umat Islam pada masa ini, perlu memahami bahawa setiap peristiwa dan kisah-kisah yang dipaparkan dalam al-Quran merupakan sesuatu yang mesti diambil pengajaran dan iktibar;

Ketiga: Dugaan kehidupan yang menimpa menunjukkan tanda bahawa Allah SWT itu kasih dan sedang memberi perhatian-Nya kepada kita; dan

Keempat: Kesabaran dalam menempuh ujian akan menyebabkan terhasilnya nikmat kebahagiaan.

Firman Allah SWT:



Maksudnya: "Adakah patut kamu menyangka bahawa kamu akan masuk syurga, pada hal belum sampai kepada kamu (ujian dan cubaan) seperti yang telah berlaku kepada orang yang terdahulu daripada kamu? Mereka telah ditimpa kepapaan (kemusnahan harta benda) dan serangan penyakit, serta digoncangkan (oleh ancaman bahaya musuh), sehingga berkatalah Rasul dan orang yang beriman yang ada bersamanya. Bilakah (datangnya) pertolongan Allah? Ketahuilah pertolongan Allah itu dekat (asalkan kamu bersabar dan berpegang teguh kepada agama Allah)". (Surah al-Baqarah ayat 214)



وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

ٱخْمَدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنِ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ، اِتَّقُوا اللهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللهَ أَمَرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيم، أَمَرُكُمْ

بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللهُ تَعَالَى: ﴿ إِنَّ ٱللَّهَ وَمَكَيْكِ عَلَى عَلَى اللهُ اللهُ عَلَى اللهُ عَلَى اللهُ عَلَى اللهُ عَلَى اللهُ اللهُ اللهُ عَلَى اللهُ اللهُ عَلَى اللهُ اللهُ عَلَى اللهُ اللهُ عَلَى اللهُ ا

ٱلنَّبِيُّ يَكَأَيُّهُا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَيْهِ وَسَلِّمُواْ تَسْلِيمًا ﴿ ﴾ الأحاب: ٥٠

اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدُ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدُ كَمَّا صَلَيْتُ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدُ عَلَى سَيِّدِنَا عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلُفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانِ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ. التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ وَالْأَمُواتِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُواتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِينَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنِينَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنُ وَالْمُؤُمِنِينَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ و



اللَّهُمَّ أَيِّدْ بِدَوَامِ التَّوْفِيْقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكَنَا كباوه دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيا سَرِي قَدُوكَ بَكْيندا يَعْ دَقْرَتُوانَ اكُوغُ ، السُلطَانَ عَبْدُ الله رِعَايَةُ الدِّيْنَ الْمُصْطَفَى بِالله شَاه ابْنِ المرحوم سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَد شَاه الْمُسْتَعِيْنَ بِالله.

وَكَذَلِكَ كَبَاوِه دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيا سِرِي قَدُوكَ بِكَينَدَا رَاجِ قُرِمَايِسُورِي اَكُوغُ، تُونَكُو (Tunku) حَاجِه عَزِيْزَة أَمِيْنَة مَيْمُونَة إِسْكَنْدَرِيَة بِنْتِ الْمَرْحُوم الْمُتَوكِّلْ عَلَى الله سُلْطَان إِسْكَنْدَرْ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَاءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَ الْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِناً مُطْمَئِنَّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِرَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِيْنَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلاَءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكُرَ وَالْجِنَ وَالْفِتَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِيْنَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٍ. وَمَا بَطَنَ، وَنَ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِيْنَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٍ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ البَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّعِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمُ الرَّاجِمِيْنَ. الرَّاجِمِيْنَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar Engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.



Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبُّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ اللهِ،

﴿ ﴿ إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُ بِٱلْعَدُلِ وَٱلْإِحْسَنِ وَإِيتَآيِ ذِى ٱلْقُرْبَ وَيَنْهَىٰ عَنِ ٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنَكِرِ وَٱلْبَغِيُ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿ النَّعَلَى: ٩٠ فَاذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُ كُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَصْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذَكُرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.